

11/05/2004

Ilmu menang jika bertembung doktrin

By Isa Nikmat

HARI ini, Umno menyambut ulang tahun ke-58. Selepas menerajui perjuangan menuntut kemerdekaan dan enam presidennya memimpin negara, parti Melayu teras itu melalui pelbagai suka duka termasuk mengharungi kemelut politik pada 1998.

Ada yang berpendapat kemelut itu lebih parah kesannya berbanding perpecahan pada 1987 yang membawa pendaftaran semula Umno. Ia jauh lebih besar daripada perpecahan awal yang membawa penubuhan Pas. Hujah mereka ialah pada Pilihan Raya Umum 1999 banyak kerusi Barisan Nasional (BN) terlepas kepada pembangkang.

Adat di negara ini biasanya menyaksikan setiap kali mereka menerima ujian dan cabaran, anak Malaysia bersatu dan memperkukuh semula pakatan. Hasilnya BN menang cemerlang pada pilihan raya umum lalu.

Golongan yang tidak bersatu mungkin hanya kelompok tertentu. Ketika berkongsi pandangan dengan seorang anak muda yang kini menyertai Umno, Ustaz Shamsul Najmi, beliau mendedahkan pengalaman mengikuti pemikiran yang menuduh kumpulan lain sebagai kufur atau kafir.

"Ketika bersekolah di Tingkatan Dua, saya turut terpengaruh fahaman mengkafirkan orang Umno, termasuk keluarga."

Katanya, beliau mula terpengaruh dengan doktrin seumpamanya ketika mengikuti sesi syarahan setiap Jumaat di Masjid Rusila, Terengganu pada usia 13 tahun.

"Ketika bersekolah di Sekolah Menengah Sultan Zainal Abidin, setiap minggu saya dengar syarahan Mustika Hadis terbitan Jabatan Perdana Menteri. Doktrin halusnya menyatakan bahawa semua fahaman lain seperti sekularisme, nasionalisme atau komunisme adalah kufur," katanya.

Pada usia itu juga beliau sudah habis membaca pelbagai kitab yang sealiran seperti Petunjuk Sepanjang Jalan (Syed Qutb) dan 20 Asas Perjuangan Ikhwanul Muslimin (Hassan al-Bana). Pengarang lain adalah seperti Abdul Kadir Autha, Badiuzaman Syed Nursi (Risalah an-Nur), Khomeini, al-Maududi dan Imam Chamil.

Mesej mereka banyak membicarakan mengenai kerajaan kufur yang perlu diperangi dan dijatuhkan. Kemuncak kepada semangat itu ialah semua kelompok lain adalah kufur.

"Akhirnya kami hanya melihat kumpulan kami saja betul, jemaah lain kufur."

Tambahan pula, katanya, selepas Tingkatan Lima di Sekolah Menengah Agama Seremban, beliau belajar di sekolah pondok di Bukit Besar, Kota Sarang Semut, Kedah. Di sana, setiap kali orang lain berbuat salah, orang itu digelar taghut.

Bagaimanapun, beliau mula berfikiran terbuka apabila melanjutkan pelajaran di Universiti al-Azhar, Mesir. Setiba di sana pada 1988, pelajar senior berebut ahli baru, Persatuan Melayu Republik Arab Mesir yang pro-Pas mengajak Shamsul menyertai mereka. Demikian juga Alami yang menyokong Jemaah Islam Malaysia (JIM) dan Abim Mesir (Angkatan Belia Islam Malaysia). Beliau dipulaukan oleh semua kelompok itu kerana enggan menyertai sebarang kumpulan.

Maka tumpuannya hanyalah menuntut ilmu dan cuti hujung minggu atau semester diisi dengan menerokai Kaherah dan seluruh Mesir. Pada satu ketika, hatinya tersentuh mendengar ucapan Tun Dr Mahathir Mohamad menerusi video Hari Kemerdekaan Malaysia.

Barulah beliau berjinak dan membantu Kelab Umno Mesir menganjurkan usrah

dan program latihan komputer.

Selepas tamat pengajian, ayahnya berpesan supaya berjuang menerusi Umno jika hendak memperbetulkan Kerajaan Malaysia.

"Harapan lulusan agama seperti saya ialah memperbaiki kerajaan dan diberi ruang menyumbang idea dan tenaga tanpa halangan," katanya.

Namun, keadaan itu lebih baik kerana ia melahirkan pelapis yang berpengalaman dan lasak. Berbanding kelompok yang sentiasa menganggap jemaahnya saja betul dan kumpulan lain kufur, akhirnya mereka saling tuduh-menuduh.

"Itulah sebabnya kita lihat kumpulan seumpamanya bergaduh dan tidak boleh bersatu," tegasnya. Pada 1970-an ada dua aliran di Malaysia yang bersama Pas, kemudian menuruti jejak pemimpin Abim menyertai Umno sebelum bersama Keadilan dan pembangkang lain apabila berlaku kemelut politik 1998.

Kini, Abim meninggalkan Keadilan bersama jemaah yang mempengaruhinya.

Shamsul menutup perbualan kami: "Selepas tujuh tahun berpegang kepada doktrin jemaah kita saja betul, kumpulan lain kufur, saya merumuskan apabila ilmu bertembung doktrin, dengan menggunakan akal, ilmu menang."

Kini menjelang musim pemilihan dapatkah tiga juta ahli Umno, termasuk ahli agama seperti Shamsul menggunakan akal dan ilmu bagi mengekalkan perpaduan, mengutamakan kemenangan sebenar dan mengulangi kecemerlangan bersatu seperti semangat yang ditunjukkan untuk menang besar pada Pilihan Raya Umum Ke-11?

Mereka sudah menunjukkan prestasi terbaik ketika kempen pilihan raya, Mac lalu, menetapkan harapan dan sasaran khidmat terbaik kepada rakyat sepanjang penggal ini.

(END)